

## **Ayah**

Siti Zulaiha binti Abu Bakar

Pada petang itu, cuaca sungguh baik. Angin sepoi-sepoi bahasa menjadikan suasana pada petang itu sungguh nyaman. Kini, jam menunjukkan pukul 5.00 petang. Pada waktu beginilah yang paling sesuai untuk aku bersenam. Selepas selesai menunaikan solat fardu Asar bersama ayah, kami beriadah bersama-sama.

Aku sekarang sudah bebas daripada dibelenggu kerisauan. Sudah hampir seminggu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah berlalu. Kini, hatiku hanya berdebar-debar menanti keputusan yang bakal mendatang. Aku hanya berserah kepada takdir Ilahi.

Hari raya Aidilfitri akan menjelang tidak lama lagi. Pada petang itu, aku berbual dengan ayah tentang kehidupannya sebagai remaja kampung. Ayah kembali menyingkap nostalgia hitamnya. Ayah bercerita kepadaku tentang dirinya.

Dahulu, ayah merupakan seorang lelaki yang sangat dibenci oleh orang kampung. Hampir setiap hari ayah buat hal. Boleh dikatakan semua jenayah di kampung itu dilakukan oleh ayah. Nenek dan atuk sudah penat menasihati ayah. Semuanya sia-sia bak kata pepatah 'mencurahkan air ke daun keladi'.

Pada suatu hari, ayah ditangkap oleh orang kampung kerana mencuri di kedai Mak Limah. Atuk tidak tahan dengan perangai ayah. Pada ketika itu juga

atuk meninggal duni kerana diserang sakit jantung. Selepas itu ayah berkahwin dengan dengan wanita pilihan nenek. Wanita itu ialah ibuku. Ibu sanggup berkahwin dengan ayah pun kerana nenek merayu kepadanya supaya menerima ayah. Beberapa bulan selepas itu, nenek pula menghembuskan nafas terakhir. Sejak akhir itu, ayah sudah insaf.

Itulah cerita ayah. Sekarang barulah aku tahu diri sebenar ayah. Ayah pernah berkata kepadaku bahawa dia tidak mahu aku menjadi sepertinya. Oleh itu, aku diberi didikan dan perhatian sepenuhnya. Aku dihantar ke kelas tuisyen, kelas mengaji, dan kelas agama. Apa juga kehendakku, ayah akan turuti. Kini, aku menjadi seorang anak lelaki yang memiliki bakat yang banyak.

Segala-galanya berubah apabila aku memasuki ke sekolah berasrama ketika tingkatan empat. Aku mendapat keputusan yang sangat cemerlang. Aku menerima tawaran itu dengan hati terbuka dan menganggapnya sebagai satu peluang yang sukar didapati oleh setiap orang.

Sejak itu hubungan aku dengan ayah semakin renggang. Dulu, pada waktu petang aku sering bersama ayah. Tapi, kini aku bersama dengan teman-teman sebaya. Ayah juga kurang menjenguk aku di asrama kerana terlalu jauh.

Aku mula terpengaruh dengan gejala yang kurang sihat. Aku tidak seperti dulu lagi. Jika dulu, akulah yang paling baik di sekolah. Tapi sekarang akulah pelajar yang paling banyak mendatangkan masalah dan melakukan kesalahan disiplin. Pengaruh kawan-kawan telah

menjadikan aku begini. Aku mula mencuri, merokok malah minum arak. Pelajaranku pula semakin merosot.

Selepas tamat alam persekolahan, aku bertindak lebih agresif. Aku mula mencuri di pasaraya-pasaraya besar, minum arak dan sebagainya. Aku juga sudah ketagih dengan dadah.

Malang tidak berbau. Pada suatu malam, sedang asyik aku melepaskan gian di bawah jambatan di tengah-tengah ibu kota, beberapa orang anggota polis melakukan serbuan. Aku tertangkap. Pada ketika itu, aku tidak sedarkan diri dan dalam keadaan khayal.

Ayah mengikat jamin aku pada malam itu juga. Muka ayah merah. Langsung tidak senyum. Apabila tiba di rumah, ayah menamparku. Ibu tidak mampu untuk berbuat apa-apa.

“Penat aku mendidik kau selama ini, tapi semuanya itu sia-sia sahaja. Aku buat semua ini supaya kau tidak mengikut jejak langkahku. Tapi lain pulak jadinya. Betullah kata orang tua-tua, ‘kemana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi’. Mulai hari ini, kau bukan anak aku lagi.”

Air mataku membasahi pipi. Ibu hanya mampu melihat dan menangis. Pada malam itu, aku membuat keputusan mahu belajar hidup berdikari. Ayah langsung tidak menoleh aku semasa aku menjejakkan kaki keluar dari rumah. Pada malam itu, bermulalah kehidupan baru aku. Aku berjanji tidak akan pulang ke rumah selagi aku tidak dapat membuktikan bahawa aku akan berjaya dan aku bukan seperti ayah.

Lima tahun sedah berlalu. Aku pulang ke desa halaman tempat aku bermain semasa zaman kanak-kanak. Teratak ayah masih di situ. Tidak berubah, malah bertambah sunyi. Aku mencari ayah, mahu membuktikan kejayaan aku sebagai anak ayah. Ayah terlantar sakit. Ibu menjaga ayah dengan penuh kesabaran. Ayah berbangga dengan aku. Aku bersyukur kerana umurku dan kedua ibu bapaku masih panjang. Aku juga bersyukur kerana aku sempat memohon ampun dan maaf kepada ibu dan ayah.